

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 APRIL 2015 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Program Sarjana Pengurusan Kualiti	Utusan Malaysia
2	APEC iktiraf, yakin program Tenaga Nuklear Malaysia – Abu Bakar Diah	Bernamea.com
3	Empat syarikat penyiaran disenarai pendek wujud MOSTI TV – Abu Bakar	Bernamea.com
4	Syarikat digalak teroka pasaran	Utusan Malaysia
5	Malaysia pengeluar graphene di Asia	Utusan Malaysia
6	Kilang pertama FGV hasil graphene 2017	Berita Harian
7	FGV's graphene plant to complete in 2 years	New Straits Times
8	SIRIM komersialkan kosmetik berasas ekstrak rumpai laut	Berita Harian
9	Jabatan Meteorologi keluar amaran angin kencang, laut bergelora	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (LENSA SABTU) : MUKA SURAT 2
TARIKH: 11 APRIL 2015 (SABTU)



PROGRAM SARJANA PENGURUSAN KUALITI

TIMBALAN Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (empat, kiri) beramah mesra dengan tetamu dalam pelancaran Program Sarjana Pengurusan Kualiti oleh Universiti Terbuka Malaysia (OUM) termasuk Presiden OUM, Profesor Emeritus Tan Sri Anuwar Ali (dua, kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Sirim Berhad, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof (tiga, kanan) di Shah Alam, semalam. - BERNAMA



APEC Iktiraf, Yakin Program Tenaga Nuklear Malaysia - Abu Bakar Diah

PUTRAJAYA, 10 April (Bernama) -- Negara-negara anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) mengiktiraf dan berkeyakinan dengan kepakaran Malaysia dalam program tenaga nuklear, kata [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#).

Beliau berkata pengiktirafan itu dapat dilihat melalui penyertaan wakil enam buah negara dalam program perintis Nuclear School Experiments On Reactor Physics and Neutron Applications for Asia-Pacific Region (NSEAP2015) mulai 30 Mac dan berakhir hari ini.

Katanya NSEAP2015 merupakan program perintis sebagai asas bagi rancangan jangka panjang untuk menggunakan reaktor Triga Puspatti di Agensi Nuklear Malaysia, Bangi bagi tujuan pendidikan dan latihan di peringkat Asia Pasifik.

"Aktiviti NSEAP ini akan dijadikan aktiviti tahunan bermula tahun ini," katanya ketika berucap menutup program berkenaan dan menyampaikan sijil kepada para peserta program NSEAP2015 di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi di sini Jumaat.

Abu Bakar berkata enam negara itu ialah Indonesia, Bangladesh, Kemboja, Iraq, Vietnam dan Thailand.

Peserta berkenaan mewakili Badan Tenaga Nuklir Nasional Indonesia (Batan), Bangladesh Atomic Energy Commission, Cambodia Ministry of Mine and Energy, Iraq Ministry of Science and Technology, Vietnam Atomic Energy Institute (Vinatom) dan Thailand Institute of Nuclear Technology.

Malaysia pula diwakili oleh dua peserta dalam NSEAP2015 iaitu Anas Muhammad Pauzi, tutor di Universiti Tenaga Nasional dan pelajar tahun akhir jurusan sains nuklear di Universiti Kebangsaan Malaysia, Edleen Amani Abd Halim.

Program NSEAP2015 adalah anjuran bersama Agensi Nuklear Malaysia, Batan Indonesia, disokong dan ditaja oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

Program itu melibatkan eksperimen yang dijalankan di Batan, Indonesia yang memfokuskan kepada kejuruteraan reaktor dan juga eksperimen di Agensi Nuklear Malaysia yang berkaitan kejuruteraan reaktor dan aplikasi neutron sains di bawah tunjuk ajar pakar IAEA dari Republik Czech.

Latihan itu adalah untuk memanfaatkan reaktor penyelidikan nuklear bagi tujuan pendidikan dan latihan dalam bidang kejuruteraan reaktor serta nuklear khasnya bagi negara anggota IAEA di Asia Pasifik.

